

Pekebun kecil tidak dipinggir

Kerajaan sedia peruntukan RM34.2 juta, mahu golongan itu lebih kreatif

HUSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Kerajaan tidak pernah meninggalkan pekebun kecil menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Cegah (Risda) dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM34.2 juta sepanjang tahun ini bagi pembangunan usahawan kumpulan berkecemasan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Radzi Md Idris berkata, bagi pengkhususan tersebut, sebanyak RM1.05 juta diperuntukkan untuk Kelantan yang dimanfaatkan oleh seramai 376 usahawan terdiri daripada pekebun kecil.

Menurutnya, kumpulan pe-



Penerima peran peruntukan daripada Risda bergambar selepas perarisan Karnival Usahawan Risda Peringkat Negeri Kelantan 2019 di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

kebun kecil berperanan membantu melakukan perubahan besar ekonomi negara selaras dengan konsep Kemakmuran Bersama yang diperkenalkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita ingin melahirkan usahawan yang tahu dan boleh mengeluarkan produk serta pada masa sama memperoleh pendapatan yang baik, selain

dapat merekodkan pendapatan secara tersusun bagi memudahkannya kepada kembangkan perniagaan.

"Kita juga perlu melihat dalam konteks Kemakmuran Bersama iaitu usaha untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar, maka peranan usahawan kecil dan sederhana cukup besar.

"Ini kerana pada masa ini mereka telah mewujudkan aktiviti ekonomi di kawasan mereka dan apa yang kita ingin lihat adalah aktiviti ini terus diperkasakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Usahawan Risda Peringkat Negeri Kelantan 2019 yang turut dihadiri Pengarah Risda Kelantan, Mohd Zulkifli Hassan dan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Risda, Muhammad Adnin Bakir Abu Bakar di Pengkalan Chepa di sini semalam.

tidak begitu terkesan jika berlaku kejatuhan harga getah," katanya.

Menurutnya, berdasarkan pencapaian yang ditunjukkan setakat ini, pekebun kecil mempunyai peluang besar dalam bidang keusahawanan, selain memberi tumpuan kepada hasil getah.

Sehubungan itu, Radzi mahu usahawan Risda lebih kreatif dalam menghasilkan pelbagai produk supaya ia lebih unik berbanding orang lain kerana tidak mustahil untuk ia menembusi pasaran dunia.

49,328 pekebun getah layak terima MBT

MENGULAS mengenai Bantuan Musim Tengkujuh (MBT) kepada pekebun getah yang layak pula, Radzi berkata, kerajaan tidak pernah mengtepatkan aspek kos sara hidup rakyat.

Menurutnya, di Kelantan, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM129.5 juta yang akan diagihkan kepada seramai 49,328 penerima yang layak.

Ia dijangka diagihkan pada Disember ini.

Mereka yang layak diminta hadir ke pejabat Risda berdekatan untuk membuat permohonan sebelum 15 Disember ini.

"Apabila mereka mempunyai pekerjaan lain, kumpulan ini ti-



Radzi (tengah) menyampaikan gimik perarisan Karnival Usahawan Risda Peringkat Negeri Kelantan 2019.



Sekelompok peserta yang menghadiri perarisan Karnival Usahawan Risda Peringkat Negeri Kelantan 2019 di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.



Radzi (tiga dari kanan) melawat gerai yang disediakan sempena Karnival Usahawan Risda Peringkat Negeri Kelantan 2019 di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.